

Amal sikap Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

kepimpinan secara contoh — Musa

AIR KERUH (Melaka) 3 Dis. — Datuk Musa Hitam mahu para pegawai kerajaan mengamalkan sikap 'kepimpinan secara contoh' dan serentak itu menjelaskan penglibatan Perdana Menteri dan beliau sendiri dalam perkara-perkara kecil pentadbiran bukan dengan niat menyinggung perasaan pegawai-pegawai.

Timbalan Perdana Menteri berkata: Penglibatan itu kerana Perdana Menteri dan beliau tidak sanggup melihat perkara-perkara kecil tinggal tanpa penyelesaian kerana kerap kali perkara yang kecil itu dianggap oleh rakyat sebagai perkara besar dan memerlukan perhatian kerajaan.

Beliau juga menarik perhatian: Setakat ini kerajaan masih belum puas hati dengan sikap dan cara-cara setengah golongan yang bertugas dalam berbagai jabatan dan agensi-agensinya terhadap mewujudkan sebuah negara lebih gemilang lagi bermaruah.

Berucap merasmikan Seminar Pembangunan

Melaka 1982 di sini, pagi ini, Datuk Musa berkata: Di antara kaedah kerajaan membetulkan sikap dan cara-cara menjalankan tugas serta tanggungjawab ialah melalui kepimpinan secara contoh atau 'leadership by example.'

Langkah

"Perdana Menteri kita, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, telah mengorak langkah menggalakkan kepimpinan melalui contoh dan tauladan.

"Beliau berharap langkahnya itu akan dihayati dan diamalkan oleh golongan pemimpin di segenap lapisan, meliputi kepimpinan di jabatan, pejabat atau pun sebarang kumpulan-kumpulan kerja," tegas Datuk Musa.

Timbalan Perdana Menteri menambah, bagaimanapun beliau sedar ada pihak-pihak menyatakan misalnya bahawa Perdana Menteri dan Timbalannya tidak harus melibatkan diri dalam perkara-perkara kecil dalam pentadbiran.

"Penglibatan kami berdua dalam perkara-perkara yang dianggap kecil ini dikatakan sebagai perbuatan yang tidak 'complimentary' yakni tindakan yang disifatkan sebagai tamparan kepada pegawai-pegawai kerajaan.

"Sebenarnya kami tidak berniat langsung untuk menampar atau pun menyinggung hati kecil pegawai-pegawai kami.

"Tetapi kami tidak sanggup pula melihat perkara-perkara kecil tinggal tanpa penyelesaian kerana kerap kalinya perkara yang kecil itu dianggap oleh rakyat sebagai perkara yang besar dan memerlukan perhatian serta penyelesaian dari kerajaan," tegasnya.

Datuk Musa berkata, ketua-ketua jabatan, ketua pejabat dan sebagainya sehinggalah kepada ketua kerani atau mandur kumpulan kerja mencuci longkang, adalah tergo-long dalam barisan pemimpin dan mereka hendaklah menunjukkan kepimpinan secara contoh dan tauladan di peringkat masing-masing.